

**MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2025)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2024, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

- 1. DOA**
- 2. PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR**
- 3. SOALAN LISAN -**

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 1 (A220)**

Adakah kerajaan negeri bercadang menambah bajet bagi Jualan Kasih Johor bagi tahun mendatang memandangkan ramai yang tidak berpeluang menikmati harga Jualan Kasih ini?

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN 2 (A34)**

Mengapa Program Jualan Kasih Johor yang dilaksanakan di setiap DUN hanya melibatkan ADUN Kerajaan sahaja ? Mengapa tidak libatkan sama ADUN Pembangkang dalam program tersebut? Berapakah jumlah peruntukan keseluruhan Jualan Kasih Johor ini terutama di DUN Maharani ?

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 3 (A146)**

Apakah kesan yang akan rakyat perolehi dalam program 'Food Security' terutama dalam sektor pembekalan ayam segar dan pembekalan sayur sayuran dalam negeri Johor?

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)
SOALAN 4 (A202)**

Apakah insentif yang disediakan kerajaan negeri di dalam menggalakkan pemain industri melaksanakan Pelan Teknologi Hijau bagi memastikan ekonomi dan industri negeri Johor terus rancak di samping menitikberatkan pemeliharaan alam sekitar?

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 5 (A89)

Adakah usaha yang dilakukan kerajaan dalam memberikan Latihan Berkala Kepada Penyelia dan Petugas Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) agar mereka berupaya memberikan latihan dan pemulihan mengikut piawian yang seragam dan berkualiti.

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 6 (A160)

Adakah kerajaan berhasrat untuk menubuhkan kelab belia di semua sekolah di Johor, kalau ya, bilakah akan dilaksana dan kalau tidak, apa sebabnya?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 7 (A100)

Terangkan konsep kediaman berpagar dengan akses terhad melalui Program Residensi Rakyat (PRR) bagi menangani isu pemilik yang culas membayar yuran penyelenggaraan yang telah dilaksanakan di Negeri Johor.

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 8 (A74)

Keperluan membangunkan sebuah Sekolah Agama Kerajaan Johor di Bandar Putera Indah (BPI), Tongkang Pechah. Apakah kerajaan negeri sedia maklum? Sejauh mana usaha kerajaan negeri memanfaatkan tanah rizab Sekolah Agama yang tersedia di kawasan Bandar Putera indah tersebut?

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 9 (A51)

Berapakah jumlah mahasiswa yang menerima manfaat melalui skim bantuan pendaftaran YPJ dan benarkah hanya beberapa cawangan bank sahaja yang boleh mengagihkan kad siswa Johor dan bukannya disemua daerah boleh menguruskannya?

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)
SOALAN 10 (A213)

Apakah persediaan kerajaan negeri dalam menghadapi Monsun Timur Laut 2024/2025 ini?

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 11 (A130)

Akibat perubahan iklim, banjir semakin kerap melanda dengan magnitud yang lebih besar. Nyatakan perancangan Kerajaan Negeri untuk menangani risiko banjir sepanjang tahun melalui pendekatan “whole-of-government” atau “seluruh kerajaan”.

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 12 (A133)

Minta dinyatakan apakah persiapan dan perancangan kerajaan negeri bagi menghadapi fenomena banjir pada tahun 2025?

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)
SOALAN 13 (A196)

Apakah menafaat atau bantuan yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri Johor pada masa hadapan agar rumah ibadat selain Islam juga dapat bantuan kewangan dari Kerajaan Negeri Johor bagi berperanan untuk menguatkan semangat perpaduan di kalangan masyarakat dalam negeri Johor?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 14 (A78)

Minta dinyatakan dengan terperinci mengenai pelaburan baru di negeri Johor yang diperolehi bagi tahun 2024.

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)
SOALAN 15 (A199)

Berapa banyakkah kes penderaan kanak-kanak di negeri Johor yang direkodkan pada tahun ini berdasarkan daerah dan apakah perkhidmatan yang disediakan kerajaan di dalam membantu mangsa dera dari sudut penjagaan kesihatan fizikal dan mental serta memastikan kes penderaan tidak berulang?

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 16 (A26)

Berapakah jumlah kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang berkhidmat secara tetap dan kontrak di negeri Johor? Adakah jumlah tersebut mencukupi, dan apakah kerajaan pusat bercadang menambah bilangan kakitangan untuk memenuhi keperluan perkhidmatan kesihatan semasa di negeri tersebut?

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)
SOALAN 17 (A194)

Apakah perancangan dan tindakan kerajaan negeri agar memastikan pemaju-pemaju mengutamakan pembinaan rumah kos rendah bersekali dengan kerja-kerja membina rumah teres, banglow dan sebagainya bila projek dijalankan?

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 18 (A68)

Minta dinyatakan apakah cabaran utama yang dijangka dihadapi oleh kerajaan negeri dalam usaha menarik dan mengekalkan pelaburan untuk pembangunan pusat data berskala besar di Johor, terutamanya dari segi infrastruktur tenaga hijau dan kelestarian.

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 19 (A41)

Di setiap PBT yang mempunyai rumah flat kos rendah, pastinya terdapat rumah flat yang tidak mempunyai badan pengurusan. Ketiadaan badan pengurusan menjadikan persekitaran tidak terurus. Adakah kerajaan akan mewujudkan satu 'task force' untuk mengkaji bagaimana mahu menyelesaikan masalah berangkai ini?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 20 (A208)

Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memperluas penguatkuasaan VEP bagi menangani kemasukan kenderaan asing dari Singapura dan meminimumkan kesan pencemaran serta kesesakan trafik? Bagaimana hasil kutipan VEP akan dimanfaatkan dan bagaimanakah Johor akan memastikan hasil ini disalurkan secara telus?

YB PUAN AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 21 (A192)

Mohon kerajaan negeri memberi penjelasan tentang inisiatif kerajaan negeri untuk memastikan Gred Purata Nasional (GPN) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang telah dicapai pada tahun 2023 kekal cemerlang.

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 22 (A92)

Kerajaan diseru mewujudkan lebih insentif melalui “ganjaran dan penghargaan” terhadap inovasi, kreativiti dan komitmen bagi mendidik serta menggalakkan masyarakat agar lebih peka terhadap penjagaan kebersihan sesuatu kawasan. Ia sebagai langkah proaktif menangani isu pembuangan sampah haram yang semakin berleluasa.

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 23 (A109)

Apakah status kerja bagi pembinaan tapak pelupusan sisa pepejal berhampiran Felda Endau dan apabila siap nanti apakah akan ada tindakan bagi mengawal implikasi terhadap penduduk sekitar antaranya pencemaran bau dan kehadiran lalat?

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 24 (A147)

Adakah pihak Kerajaan Negeri Johor mempunyai perancangan bekerjasama dengan pihak Jabatan Pendidikan Negeri (PPN) dalam memelihara bangunan sekolah dan rumah guru yang berusia melebihi 50 tahun?

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 25 (A222)

Apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak JPJ ke atas pengguna mobiliti yang semakin berleluasa?

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)
SOALAN 26 (A214)

Apakah kerajaan negeri mempunyai cadangan untuk meningkatkan lagi kualiti servis di setiap farmasi dalam negeri Johor ini?

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 27 (A95)

Penetapan kadar gaji minimum yang baru sebanyak RM1700 pasti akan dimanipulasi sesetengah peniaga dengan menaikkan harga barang, apakah langkah kerajaan negeri mengatasi perkara ini?

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 28 (A27)

Talian kecemasan 999 di Malaysia menghadapi terlalu banyak birokrasi yang boleh melambatkan respons terhadap panggilan kecemasan. Apakah langkah yang diambil bagi memastikan kelancaran perkhidmatan tanpa halangan birokrasi yang berlebihan?

YB PUAN AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 29 (A182)

Apakah usaha kerajaan negeri dalam kerja penyelenggaraan serta naik taraf pondok perhentian bas dan jejantas yang sudah uzur di dalam kawasan Puteri Wangsa?

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 30 (A71)

Apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengawal kenaikan harga hartanah di kawasan JS-SEZ agar ianya kekal mampu milik untuk rakyat tempatan?

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 31 (A80)

Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan negeri untuk mengawal potensi kenaikan kos sara hidup, termasuk harga hartanah dan kos barangan, dikawasan berhampiran JS-SEZ agar ia kekal mampu milik dan tidak membebankan rakyat Johor.

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 32 (A96)

Adakah memelihara anjing memerlukan lesen atau permit?

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 33 (A65)

Minta dinyatakan adakah kerajaan negeri bersedia mempertimbangkan peruntukan setimpal bagi menjayakan JS-SEZ, khususnya dalam menyokong tiga Jawatankuasa Pilihan Khas yang bertumpu kepada Penyelidikan & Pembangunan, Kos Sara Hidup, serta Perhubungan dan Perdagangan Antarabangsa.

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 34 (A205)

Adakah pihak kerajaan negeri telah menjalankan kajian kebolehlaksanaan untuk pelan pelaksanaan SEZ bagi menilai impak ekonomi, sosial, dan alam sekitar terhadap komuniti tempatan dan perniagaan kecil tanpa menimbulkan tekanan terhadap masyarakat tempatan dan peningkatan kos sara hidup?

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 35 (A25)

Apakah manfaat khusus yang bakal dinikmati oleh penduduk di DUN Pekan Nanas melalui penglibatan kawasan MPPN dalam perancangan Zon Ekonomi Khas Selatan Johor (JSSEZ)? Adakah terdapat inisiatif tertentu yang akan diperkenalkan bagi meningkatkan pembangunan dan ekonomi setempat?

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 36 (A72)

Adakah kerajaan telah menubuhkan satu sistem pemantauan yang telus bagi menilai kesan pembangunan JS-SEZ terhadap sosioekonomi dan alam sekitar bagi rakyat Johor? Bagaimanakah maklumat ini akan disampaikan kepada orang awam bagi memastikan kepentingan rakyat sentiasa diberi keutamaan?

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 37 (A67)

Minta dinyatakan dalam majlis perasmian GDS Data Centre Supply Chain Ecosystem Summit, bagaimana projek kerjasama ini dapat menyokong sasaran Johor sebagai hab digital serantau, dan apakah strategi yang dirancang untuk memastikan pertumbuhan pesat sektor digital di negeri ini?

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 38 (A179)

Apakah perancangan kerajaan dalam mempertingkatkan kemudahan awam seperti jalan raya, kemudahan kesihatan dan perumahan dikawasan

berhampiran JS-SEZ bagi menyokong pertumbuhan zon ini dan memberi manfaat kepada komuniti setempat

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)

SOALAN 39 (A136)

Minta dinyatakan usaha dan komitmen kerajaan negeri mengagihkan aktiviti ekonomi melalui kemasukan pelaburan baharu agar memberi manfaat kepada rakyat di daerah-daerah menikmati limpahan sosio-ekonomi dan merapatkan jurang pendapatan.

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN 40 (A42)

Sila nyatakan apakah perancangan kerajaan negeri dalam membangunkan tanah rizab melayu yang strategik demi meningkatkan tahap ekonomi orang Melayu. Senaraikan jumlah keluasan tanah rizab melayu Negeri Johor mengikut pecahan daerah.

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)

SOALAN 41 (A145)

Berapakah peratusan tanah rizab Melayu yang ada di Negeri Johor dan mohon nyatakan keluasan tanah rizab Melayu tersebut?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)

SOALAN 42 (A157)

Adakah kerajaan berhasrat untuk memutihkan rumah ibarat bukan Islam yang terletak dalam kawasan perumahan dan kawasan komersial termasuk mengizinkan syarat tanah diubah kepada rumah ibarat.

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)

SOALAN 43 (A166)

Majoriti RIBI tidak mendapat tapak bagi pembinaan rumah ibadat dan terpaksa menyewa kedai di kawasan komersial atau industri. Apakah rancangan kerajaan untuk pemutihan, tukar syarat penggunaan atau kurniaan tapak RIBI supaya mereka dapat meneruskan di tempat sama?

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)

SOALAN 44 (A8)

Apakah perancangan kerajaan negeri bagi memastikan tanah wakaf umum atau khusus dapat di munafaatkan sebaiknya untuk kegunaan pertanian, penternakan atau sebagainya sebelum ianya dibangunkan mengikut hasrat pewakaf.

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 45 (A101)

Terangkan usaha menaik taraf Istana Besar Johor dan Bangunan Sultan Ibrahim di Bukit Timbalan yang bakal dibuka kepada umum sebagai usaha menambah nilai pelancongan di Johor Bahru ini termasuk kos dan jangka siap kerja.

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN 46 (A33)

Program Dapur Kasih yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor sangat membantu golongan asnaf. Adakah program ini akan diteruskan dengan tambahan senarai penerima atau ada tapisan dengan sebab berubahnya corak ekonomi di negara ini, supaya lebih ramai dapat dibantu?

4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2025) TAHUN 2024

----- (Penggulungan YAB Menteri Besar Johor) -----

5. RUNDINGAN -

- 5.1 Rundingan mengenai Peranggaran Tambahan Pembangunan Ketiga Tahun 2024.
- 5.2 Rundingan mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2025

6. RANG UNDANG-UNDANG -

- 6.1 Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 3) Tahun 2024.
- 6.2 Enakmen Perbekalan (2025) Tahun 2024.

Persidangan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan diberitahu kelak.